



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 47 /2024**

**WAKAF SEBAGAI AMALAN JARIAH**

**22 November 2024**

*Bersamaan*

**20 Jamadil Awal 1446**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَهَبَنَا الْخَيْرَاتِ وَالْأَرْزَاقَ، وَأَمَرَنَا بِالْبَدْلِ وَالْإِنْفَاقِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَأَتْبَاعِهِ الْأَبْرَارِ الْمُتَّقِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Sidang Jumaat yang berbahagia**

Pada hari yang penuh barakah ini, marilah kita berusaha melaksanakan tugas kita sebagai hamba Allah SWT dengan penuh ketaqwaan, melaksanakan titah perintahNya dan meninggalkan semua laranganNya. Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk:

### **WAKAF SEBAGAI AMALAN JARIAH**

#### **Muslimin sekalian,**

Agama Islam menganjurkan semangat bantu membantu dan mengambil cakna terhadap sesama ahli masyarakatnya sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Maidah, ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ

إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

**Maksudnya** : Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Sifat tolong menolong sudah tentu akan mewujudkan perpaduan sosial yang menguatkan lagi pertalian dan persaudaraan islamiah yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW. Sabda Rasulullah :

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ، يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

**Maksudnya:** Seorang yang beriman dengan saudaranya yang lain seumpama satu binaan yang kukuh, saling menguatkan satu sama lain.

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

### **Hadirin yang dirahmati Allah SWT,**

Islam menganjurkan umatnya berwakaf sebagai amalan yang memberi pahala berterusan kepada pewakafnya bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Wakaf dalam mafhumnya yang luas merangkumi semua bentuk infaq harta yang memberikan manfaat kepada umat sepanjang masa seperti mewakafkan tanah untuk masjid dan madrasah, sumbangan kewangan bagi pembinaan keduanya, membina perpustakaan, rumah anak yatim, bantuan kepada orang berkeperluan khas dan seumpamanya.

Sabda Nabi saw yang bermaksud:

Tujuh perkara : seseorang akan diberikan ganjaran amalannya secara berterusan selepas kematiannya : ilmu yang diajarkan , sungai yang diairinya, telaga yang digali, pokok yang ditanam, pembinaan masjid, mewakaf mushaf Quran, anak yang mendoakan pengampunan selepas kematiannya.

(Hadis Riwayat Ibn Majah dan al-Baihaqi)

### **Muslimin hadirin sekalian,**

Sejarah telah mengabadikan senarai para dermawan seperti Saidina Umar bin Al-Khattab RA yang telah mewakafkan tanahnya di Khaibar untuk keperluan kaum miskin di Madinah. Saidina Usman bin Affan RA pula mewakafkan sebuah perigi yang dikenali “Bi’ru Rumah” untuk minuman penduduk Madinah. Masyarakat Madinah juga turut berganding bahu bagi menyumbang pembinaan Masjid Quba dan Masjid Nabawi.

Selain itu, seorang sahabat Rasulullah SAW dikenali sebagai Abu Talhah tatkala mendengar ayat al-Quran berkenaan galakan menginfak harta yang paling disayangi, maka beliau segera mewakafkan harta yang paling disayanginya iaitu kebun Bairuha’. Kebun ini yang terletak berhampiran dengan Masjid Nabawi telah diwakafkan untuk manfaat umat Islam.

Kata Abu Talhah kepada Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya Tuhan kita meminta untuk kita mengeluarkan infak daripada harta kita, maka aku bersaksikan kamu wahai Rasulullah SAW, bahawa aku menjadikan tanah ini milik Allah SWT (untuk diwakafkan).”

Demikianlah juga Saidatina Asmaa' binti Abu Bakar RAnhuma yang telah mewakafkan rumahnya untuk maslahat kaum muslimin dan Ummul Mukminin Ummu Habibah RAnha yang telah mewakafkan sekeping tanahnya buat kegunaan masyarakat Madinah.

### **Muslimin sekalian,**

Banyak lagi contoh yang dipaparkan dalam sejarah Islam untuk menjadi ikutan kita dalam memberikan sumbangan hartanah, kewangan, idea dan tenaga untuk kemaslahatan masyarakat Islam dan negara kita.

Justeru Mimbar Jumaat pada hari ini, menyeru para dermawan untuk terus berwakaf melalui Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) demi ganjaran pahala yang bakal dituai di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ

فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

**Maksudnya:** Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipat-gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

(Surah al Baqarah 261)

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَ لِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Kita kini mula berada pada musim tengkujuh yang boleh mendatangkan musibah pada bila-bila masa. Perlu diingatkan bahawa, setiap musibah yang menimpa adalah ujian dan ketentuan daripada Allah SWT. Maka dengan ini, hendaklah seorang muslim itu bersabar terhadap ujian atau musibah yang menimpanya, di samping mengharapkan rahmat dan ganjaran Allah. Ingatlah firman Allah SWT dalam sebuah hadis Qudsi yang bermaksud:

Wahai anak Adam, jika engkau bersabar dan mengharap pahala sejak awal tertimpa musibah, maka Aku pasti jaminan syurga untuk kamu.

(Hadis riwayat Ibnu Majah)

Pada masa yang sama, buatlah persediaan yang sewajarnya, patuhilah saranan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa, dengan menjalankan ikhtiar mencegah sebarang kemalangan dan celaka, juga persiapan menyelamatkan diri dan harta. Selain itu, dapatkanlah maklumat berkenaan keadaan cuaca daripada sumber yang sahih dan elakkan daripada menyebarkan berita palsu. Perbanyakkan doa kepada Allah SWT agar Dia melindungi diri, keluarga dan negeri kita daripada sebarang mara bahaya.

Tak lupa juga, sama-samalah kita menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana bagi meringankan beban yang mereka hadapi. Jadikan musim tengkujuh ini sebagai ruang muhasabah diri terhadap sebarang kecuaiian kepada Pencipta, juga musim merebut ganjaran daripada Allah SWT, sama ada dengan bersabar terhadap ujian-Nya, mahupun dengan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.  
اللَّهُمَّ اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.



اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغَّكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَبِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَأَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

**Ya Allah,**

Teguhkanlah Iman kami dalam menempuh segala mehnah dan ujianMu,  
Kekalkanlah keamanan, keselamatan dan kesejahteraan kepada negara  
kami Malaysia dan negeri kami Terengganu Darul Iman, Jadikan negeri kami  
ini negeri yang aman. Jauhi negeri kami daripada sebarang musibah,  
perpecahan dan huru hara.

**Ya Allah,**

Cemerlangkanlah pendidikan anak-anak kami, Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

**Ya Allah,**

Anugerahkan pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di palestina. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menghadapi kekejaman rejim zionis. Peliharakanlah bumi baitul maqdis dan seluruh saudara kami disana.

Amiin amiiin Ya Rabbal alamin.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.  
عِبَادَ اللَّهِ!

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَىٰ صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.